



# Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

## Mencipta Batu Seremban

### Arahan:

- 1 Guru menyediakan satu video dan gambar mengenai batu seremban.
- 2 Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 3 Setiap kumpulan mendapat gambar batu seremban yang berbeza corak.
- 4 Satu kumpulan tersebut perlu melakar lukisan batu seremban mengikut kreativiti kumpulan pada kertas mahjong dan menghasilkan satu model batu seremban daripada bahan-bahan yang sesuai.
- 5 Penghasilan model batu seremban perlu mengikut ukuran saiz yang betul seperti yang diminta oleh guru.
- 6 Kemudian hasil dapatan, hasil lakaran dan hasil model perlu dibentangkan dan guru akan menilai.



# Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

## Menghasilkan Bendera Malaysia

### Arahan:

- 1 Guru menyediakan satu video dan gambar mengenai bendera Malaysia iaitu Jalur Gemilang.
- 2 Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 3 Satu kumpulan perlu melakar lukisan bendera Malaysia pada kertas mahjong dan mewarnakan bendera tersebut mengikut warna yang betul.
- 4 Penghasilan bendera Malaysia perlu mengikut ukuran saiz yang betul seperti yang diminta oleh guru.
- 5 Kemudian hasil dapatan, hasil lakaran dan hasil model perlu dibentangkan dan guru akan menilai.